



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

PIKAS DILANCARKAN DI SELANGOR HARI INI

Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) COVID-19 yang diumumkan pada 12 Jun 2021 akan dilancarkan di Selangor hari ini dan bakal disaksikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin diiringi oleh Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Selain dari Selangor, vaksinasi untuk sektor pembuatan juga akan dimulakan di Pulau Pinang dan Johor secara serentak yang akan memberi tumpuan kepada subsektor pembuatan yang kritikal.

Program PIKAS dilaksanakan sebagai langkah responsif kepada cadangan dari persatuan industri, dewan perniagaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk membantu mempercepat vaksinasi bagi rakyat khususnya pekerja, untuk mencapai imuniti kelompok di kalangan masyarakat. Ini adalah amat penting dalam melindungi pekerja daripada risiko jangkitan COVID-19 kerana keselamatan mereka dapat memastikan ekonomi kembali cerdas dan terus berdaya tahan.

Pada waktu yang sama PIKAS dilaksanakan, program vaksinasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk golongan yang paling rentan tetap akan menjadi keutamaan.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan kesatuan sekerja lain telah menyatakan sokongan mereka terhadap program PIKAS dan menyambut baik pelaksanaannya untuk memastikan keselamatan pekerja. Walaupun begitu, mereka telah menyatakan keprihatinan terhadap pelaksanaan PIKAS oleh pemain industri, terutamanya berkaitan kos yang terlibat dalam proses vaksinasi tersebut.

Pada sidang video dengan wakil kesatuan sekerja yang dijalankan semalam, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali memberi jaminan bahawa pekerja yang menyertai program ini tidak akan dibebani dengan kos tambahan. Beliau turut menekankan bahawa



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

vaksin akan diberi secara percuma dan majikan perlu menanggung kos pentadbiran proses vaksinasi dan tidak dibenarkan untuk memotong gaji pekerja bagi membiayai kos yang terlibat.

YB Menteri Kanan juga menyatakan bahawa Kerajaan akan meningkatkan kadar vaksinasi pada bulan Jun, Julai dan Ogos dengan menyasarkan imuniti kelompok dapat dicapai di Lembah Klang dan Putrajaya pada tahap ini. Beliau turut menggesa para majikan untuk menggalakkan para pekerja menyertai program PIKAS ini.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

16 JUN 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my